

CNS3749

U GB 05-07 00176 BH243

bah

MAHATHIR MAHU KELULUSAN PEMBANGUNAN DI LANGKAWI DIPERCEPAT

Mahathir - Pembangunan

LANGKAWI, 5 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad manu proses kelulusan projek pembangunan di Langkawi dipercepatkan tanpa terlalu terikat dengan peraturan tertentu memandangkan kerajaan pusat telah membelanjakan \$1,000 juta setakat ini untuk pembangunan infrastruktur di pulau itu.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengarahkan para pegawai dan pihak-pihak berkuasa di Langkawi supaya melonggarkan peraturan, jika perlu, seperti yang dilakukan di sesetengah negara di Eropah dan Amerika Syarikat.

+Jika pegawai-pegawai terlalu menekan daripada segi peraturan, kita akan rugi kerana para pelabur akan lari ke tempat lain,+ katanya kepada pemberita di akhir lawatannya selama lima jam untuk meninjau projek pembangunan di sini hari ini.

Beliau berkata, bangunan dan hotel di Langkawi tidak semestinya mengikut peraturan-peraturan seperti bandar dan pekan lain yang memerlukan jalan yang lebar atau bangunan berderet panjang.

Dr Mahathir berkata, amalan mendirikan bangunan yang mudah tanpa terlalu terikat dengan peraturan, dilakukan oleh beberapa negara di Eropah dan Amerika Syarikat untuk menarik pelancong.-- Lagi

▼05/07/18-03MST

CNS3755

U GB 05-07 00145 BH244

bah

Mahathir - Pembangunan 2 Langkawi

Menjawab satu soalan, beliau berkata, kerajaan pusat tidak bercadang menubuhkan sebuah lagi agensi pusat untuk mengendalikan pembangunan Langkawi dan memadai dengan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

Berhubung pengambilan tanah oleh agensi-agensi kerajaan untuk pembangunan di Langkawi, beliau berkata, amalan itu dilakukan untuk mempercepatkan pembangunan.

Katanya, pemilik tanah sememangnya boleh berunding terus mengenai harga tanah dengan pemaju tanpa membabitkan agensi kerajaan tetapi cara itu memakan masa.

Dr Mahathir berkata, orang ramai harus sedar bahawa harga tanah melambung di sini kerana proses pembangunan berjalan cepat dan menguntungkan mereka.

Hasil proses pembangunan yang cepat itu, termasuk \$1,000 juta yang dibelanja oleh kerajaan pusat untuk pembangunan Langkawi setakat ini bagi kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, jalan raya dan sebagainya, Perdana Menteri berkata kini wujud 12 orang jutawan di sini. -- Lagi

▼05/07/18-15MST

CNS3756

U GB 05-07 00177 BH245

bah

Mahathir - Pembangunan 3 Langkawi

+Ini berbanding dengan tiada seorangpun jutawan pada masa saya berkhidmat sebagai doktor di sini dahulu,+ kata Dr Mahathir, yang pernah berkhidmat sebagai pegawai perubatan kerajaan di pulau ini dalam tahun 1950an.

Beliau juga berkata, sungguhpun kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan yang begitu besar untuk pembangunan di sini, sehingga kini ia belum lagi dapat memungut hasilnya.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan tidak akan mengubah peraturan yang menetapkan bahawa setiap pelawat ke sini harus tinggal sekurang-kurangnya 72 jam untuk mendapat keistimewaan pengecualian cukai untuk barangan yang mereka beli di pulau bebas cukai ini.

Katanya, orang ramai yang melancong ke sini harus sedar bahawa kerajaan hendak menjadikan Langkawi sebagai pusat pelancongan, dan jika mereka tidak menginap di hotel di sini selama dua atau tiga malam untuk mendapat pengecualian cukai, tujuan memajukan pulau ini sebagai pusat pelancongan tidak tercapai.

+Juga, apa kata peniaga-peniaga di tanah besar jika semua orang yang melawat ke Langkawi beberapa jam sahaja boleh membeli barangan murah di sini,+ katanya.-- Lagi

▼05/07/18-16MST

CNS3757

U GB 05-07 00061 BH246

bah

Mahathir - Pembangunan 4 (Akhir) Langkawi

Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff yang mengiringi Dr Mahathir berkata, kerajaan negeri memberi keutamaan daripada segi memproses permohonan memajukan tanah-tanah di Langkawi.

Katanya jika adapun kelewatan memproses tanah untuk pembangunan di sini, ia bukan disengajakan memandangkan permohonan untuk pembangunan terlalu banyak. -- Bernama

▼05/07/18-17MST